

KOMUNITI EKONOMI ASEAN: MUNGKINKAH MENJADI REALITI?

Mohamed Aslam

ABSTRAK

Di persidangan ASEAN ke 9 pada 7 Oktober 2003, pemimpin-pemimpin ASEAN telah bersetuju untuk membangunkan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2020. Komuniti tersebut melibatkan tiga komponen utama iaitu Komuniti Ekonomi, Komuniti Keselamatan dan Komuniti Sosial-Budaya. Kertas ini akan menumpukan serta membahaskan mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN. Satu persoalan yang penting; adakah Komuniti Ekonomi ASEAN (KEA) akan menjadi kenyataan? ASEAN telah menandatangani sejumlah besar perjanjian dan telah melaksanakan pelbagai kerjasama ekonomi dari segi pembangunan bersama industri tertentu dan meningkatkan intra-perdagangan. Malangnya sebahagian dari kerjasama ekonomi sedemikian gagal sepenuhnya atau gagal mencapai matlamat optimum. Contohnya dalam kes meningkatkan intra-perdagangan ASEAN dengan Skim Perdagangan Keutamaan (PTA) yang mana telah dilaksanakan dalam tahun 1978 telah gagal mencapai objektifnya. Kemudian ianya telah digantikan dengan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 1991. Untuk merealisasikan AFTA pula pelbagai halangan berlaku dan ini telah memperlambatkan AFTA itu direalisasikan. Jika pelbagai masalah dan halangan dalam membangunkan AFTA termasuklah perkara-perkara lain berkaitan ekonomi berlaku, adakah mungkin para pemimpin ASEAN akan berjaya membangunkan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2020. Persoalan inilah yang ingin dikupas dalam artikel ini.

PENDAHULUAN

Penubuhan blok perdagangan Kesatuan Eropah (EU) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan juga keraguan mengenai pelaksanaan dan peranan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dalam meliberalkan dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi dunia telah memberi perangsang kepada negara-negara di dunia untuk menubuhkan kawasan kerjasama ekonomi serantau atau menjalinkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala. Kerjasama ekonomi yang ditubuhkan oleh negara-negara membangun lebih menjurus meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-negara. Di benua Asia terutamanya yang merangkumi Asia Timur, Asia Tenggara dan Asia Selatan telah menjalinkan hubungan kerjasama ekonomi seperti Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan negara-negara Asia Selatan yang

terdiri dari negara India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh dan Nepal dengan Perjanjian Perdagangan Bebas Asia Selatan (SAFTA).

Sejak krisis ekonomi Asia Tenggara dan Timur 1997, negara-negara di Asia terutamanya Asia Timur termasuk ASEAN mulai agak agresif dalam menjalinkan hubungan kerjasama ekonomi dalam bentuk perjanjian perdagangan bebas dua hala di samping mengukuhkan kerjasama ekonomi yang telah sedia ada atau yang telah dimeterai. ASEAN umpamanya telah menjalinkan hubungan FTA dengan negara China pada tahun 2002 dan Korea Selatan pada 2005, manakala dengan negara Jepun dan India masih di peringkat rundingan. Penulisan ini lebih memberi tumpuan terhadap penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN oleh negara-negara anggota ASEAN yang telah dicadangkan pada tahun Oktober 2003. Persoalan penting mengenai penubuhan gagasan tersebut adakah ianya akan menjadi kenyataan.

KE ARAH PENUBUHAN KOMUNITI EKONOMI ASEAN (KEA)

Di Perundingan ASEAN ke 9 pada 7 Oktober 2003, pemimpin-pemimpin negara ASEAN telah bersetuju untuk membangunkan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2020. Persetujuan penubuhan komuniti tersebut dikenali sebagai Persetujuan Bali ke 2 – "*Bali Concord 11*". Komuniti ASEAN ini merangkumi 3 komponen atau tunjang. Komponen inilah yang akan membentuk dan merealisasikan pembentukan komuniti tersebut. Komponen tersebut ialah¹:

1. Komuniti Keselamatan ASEAN: mefokus kerjasama politik dan keselamatan.
2. Komuniti Ekonomi ASEAN: mefokus integrasi ekonomi serantau iaitu dengan membangunkan sebuah pasaran bebas.
3. Komuniti Sosial-Budaya ASEAN: mefokus kerjasama sosial-budaya.

Cadangan penubuhan Komuniti ASEAN adalah hasil dari Visi ASEAN 2020 yang dilancarkan pada tahun 1998. Pada tahun 1998 kerajaan negara-negara ASEAN telah merangka Rangka Tindakan Hanoi (1999-2004) untuk merealisasikan Visi ASEAN 2020. Di bawah Tindakan tersebut, AFTA dan AIA telah dipercepatkan pelaksanaannya, juga mempercepatkan pelaksanaan perkara-perkara di bawah Rangkakerja Perjanjian Sektor Perkhidmatan (AFAS) yang telah ditandatangani dalam tahun 1995.

Berasaskan Visi ASEAN 2020, penciptaan komuniti ASEAN akan memastikan kerjasama yang lebih erat, lebih komprehensif agar masyarakat ASEAN sama-sama menikmati hasil dari pengintegrasian negara-negara anggota. Komuniti ini diandaikan akan mengukuhkan kedamaian, kestabilan, keselamatan, pembangunan dan kemakmuran dalam rantau ini di samping meningkatkan perpaduan serantau dan daya saing dalam menghadapi sebarang cabaran baru dari globalisasi dan kemunculan serta persaingan dari kuasa-kuasa ekonomi baru di Asia terutamanya negara China dan India.

Untuk mencapai matlamat penubuhan Komuniti ASEAN ianya merupakan suatu cabaran yang amat besar kepada anggota ASEAN. Cabaran yang berat wujud disebabkan oleh pelbagai dimensi budaya, perbezaan tahap pembangunan ekonomi dan pelbagai strategi masa hadapan negara-negara ASEAN yang sedia ada begitu juga dengan pelbagai dimensi kerjasama luar negeri yang ada di kalangan negara-negara ASEAN. Untuk membawa kesemua dimensi serta perbezaan dari pelbagai aspek di kalangan negara anggota bukannya suatu kerja yang mudah. Bagaimanapun perkara-perkara tersebut penting dilihat kerana ianya adalah asas utama dalam mencapai cita-cita ASEAN itu sendiri untuk menubuhkan Komuniti ASEAN.

Untuk memulakan gerakan penubuhan Komuniti ASEAN, kerajaan negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk memulakannya dengan menjalinkan kerjasama dari segi ekonomi agar ekonomi negara-negara ASEAN menjadi lebih erat, kukuh dan terbuka. Kenapa Komuniti ASEAN dimulakan dengan ekonomi?. Sebab utama kerana negara-negara ASEAN sejak penubuhan gagasan ASEAN lebih banyak terlibat dalam hal-ehwal kerjasama ekonomi. Maka sudah semestinya negara-negara ASEAN telah mempunyai pengalaman yang luas dalam hal-ehwal ekonomi. Oleh itu adalah dikira bijak untuk memulakan Komuniti ASEAN dengan merealisasikan terlebih dahulu Komuniti Ekonomi ASEAN. Kerjasama ekonomi ini akan menjadi suatu landasan dalam membawa ASEAN ke arah Komuniti ASEAN.

Ada satu persoalan yang penting dan perlu dipertimbangkan dengan serius. Seperti yang telah dinyatakan pada awalnya, persoalannya mungkinkah Visi ASEAN untuk membangunkan sebuah pasaran bebas iaitu Komuniti Ekonomi ASEAN (KEA) akan menjadi kenyataan pada tahun 2020. Untuk menjawab persoalan ini maka kita perlu melihat sejarah kerjasama ekonomi serta kemajuan yang telah dicapai sebelum menerbitkan taakulan yang bererti adakah KEA akan menjadi suatu realiti atau sebagai suatu impian yang tidak kunjung tiba.

SEJARAH KERJASAMA EKONOMI ASEAN

Permulaan kerjasama di kalangan negara ASEAN dalam aspek ekonomi berpandukan laporan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang telah diterbitkan pada tahun 1972. PBB telah mencadangkan kepada ASEAN sebuah kerjasama ekonomi sepertimana yang telah dicadangkan oleh pertubuhan tersebut kepada benua Latin Amerika iaitu penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Latin (LAFTA). Ekonomi negara-negara Amerika Latin dalam tahun 1960an menghadapi konstrain imbalan pembayaran dari segi defisit akaun semasa dan polisi perindustriannya yang berdasarkan industri ganti import (ISI) pula dikatakan telah gagal merangsangkan pertumbuhan eksport barang perkilangan dan ekonomi. Integrasi ekonomi serantau LAFTA ini pada dasarnya melibatkan produk-produk dari kilang-kilang berasaskan industri ganti import (ISI) iaitu polisi pembangunan sektor perkilangan yang mengeluarkan produk-produk yang diimport dalam negeri. Boleh dikatakan sebahagian besar jenis industri perkilangan di benua Latin Amerika berasaskan jenis ganti import (ISI).

Industri ISI ini dibangunkan sebagai salah satu dari polisi-polisi ekonomi untuk mengurangkan defisit imbangan perdagangan negara-negara Latin Amerika. Jika sebuah pertubuhan kawasan perdagangan bebas dibentuk oleh sejumlah negara, berasaskan teori, perdagangan intra-negara akan menjadi lebih besar, langsungnya pertumbuhan ekonomi akan meningkat. Pengeluaran produk dalam skala besar dan suatu pengkhususan pengeluaran akan dibentuk. Ini hanya benar dalam teori tetapi tidak dalam realiti. Dalam kes LAFTA, berdasarkan data-data tahun 1970an apa yang dijangkakan dari gagasan tersebut tidak mencapai matlamatnya.

Memandangkan polisi pembangunan sektor perkilangan di negara ASEAN pada lewat tahun 1950an berdasarkan jenis industri perkilangan ISI, maka PBB mencadangkan kerjasama ekonomi yang agak sama seperti yang mana telah dicadangkan kepada negara-negara Amerika Latin. Sebahagian besar industri ISI di ASEAN telah dimulakan dengan industri ringan seperti makanan-minuman, tekstil dan pakaian, tembakau dan industri-industri berasaskan sumber tempatan. Mengikut masa, industri ringan ini akan beralih ke industri berat seperti industri kimia, pengeluaran barang modal iaitu jentera, besi keluli dan simen. Jika sesebuah negara melaksanakan polisi industri ISI dan hendak menikmati skala pengeluaran besar, menikmati kos pengeluaran yang rendah dan keuntungan yang besar, ianya memerlukan pasaran yang besar. Tetapi adalah sukar untuk membangunkan pelbagai jenis industri berat di sesebuah negara jika negara-negara tersebut menghadapi konstrain sumber-sumber ekonomi. Dalam kes ASEAN, terdapatnya konstrain sumber pembangunan industri seperti modal produktif, tenaga mahir termasuk pengurusan dan sumber-sumber ekonomi seperti galian dan tanah untuk perladangan dan perindustrian dan konstrain-konstrian ini berbeza di kalangan negara-negara ASEAN. Berasaskan hal ini maka PBB telah mencadangkan kepada ASEAN agar anggotanya meliberalkan perdagangan dan membentuk suatu pasaran berbentuk saling bergantung. Untuk maksud ini polisi-polisi yang telah dicadangkan ialah (a) Liberalisasi Perdagangan Terpilih: adanya suatu senarai produk-produk yang dikeluarkan oleh negara-negara anggota yang mana kadar tariff dikurangkan atau dihapuskan (lebih berbentuk seperti perjanjian perdagangan bebas (FTA); (b) Sistem Perjanjian Berpakej iaitu menjalinkan kerjasama membangunkan industri-industri berskala besar bersama-sama; dan (c) Sistem Perjanjian Penggenap di mana sesebuah negara mengkhusus dalam suatu jenis pengeluaran produk.

Kerjasama ekonomi yang dicadangkan oleh PBB secara rasminya telah dipersetujui oleh negara-negara ASEAN pada Rundingan ASEAN Pertama pada tahun 1976 di Bali, Indonesia. Pada masa ini hanya lima buah negara terlibat dalam ASEAN iaitu negara Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Persetujuan pemimpin-pemimpin ASEAN mengenai cadangan PBB dikenali sebagai Deklarasi Perjanjian ASEAN Pertama (*The Declaration of ASEAN Concord- Bali Concord 1*). Di bawah deklarasi tersebut lima negara ASEAN bersetuju untuk menubuhkan Projek Industri ASEAN (AIP). Jenis industri yang dikenalpasti dan hendak diusahakan bersama-sama ialah industri urea, kimia termasuk *superphosphates*, *potash*, petrokimia, industri besi-

keluli, *soda ash*, kertas dan keluaran getah. Juga dalam deklarasi tersebut negara anggota ASEAN bersetuju untuk menjalinkan kerjasama perdagangan dan sebuah skim perdagangan dibentuk iaitu Skim Keutamaan Perdagangan (*Preferential Trading Arrangements-PTA*). Dalam aspek perdagangan ada masalah yang timbul iaitu Singapura dan Filipina mencadangkan agar sebuah Kawasan Perdagangan Bebas (KPB-FTA) dibangunkan tetapi cadangan tersebut dibantah oleh Indonesia. Dalam teori PTA dan KPB berbeza dari hal pengenaan cukai impot atau tarif walaupun ianya melibatkan aliran barang. Di bawah PTA perdagangan barang agak kurang bebas tetapi di bawah KPB perdagangan barang-barang adalah bebas di kalangan negara-negara yang menandatangani perjanjian FTA maknanya adanya mobiliti produk yang bebas. Kerajaan Indonesia membantah disebabkan sebahagian besar sektor perkilangan di negara-negara seperti Singapura, Malaysia dan Filipina dikuasai oleh syarikat multinasional (MNC) manakala kerajaan Indonesia menghadkan penguasaan syarikat MNC dalam ekonominya. Indonesia tidak mahu penguasaan syarikat MNC dalam perdagangan intra-ASEAN. Indonesia ada asasnya membantah cadangan tersebut kerana jika MNC menikmati hasil dari perjanjian FTA bagaimana industri-industri pemilik modal tempatan hendak berkembang dan bersaing dalam pasaran tempatan dan ASEAN. Akhirnya negara ASEAN bersetuju dengan penubuhan PTA.

PROJEK INDUSTRI

Bahagian ini akan membincangkan secara ringkas mengenai 4 projek yang dianggap utama iaitu projek industri ASEAN (AIP), ASEAN Industrial Complementation (AIC), Usahasama Pelaburan ASEAN (AIJV), Brand-to-brand Complementation (BBC) dan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA).

Projek Industri ASEAN (AIP)

Seperti yang telah dinyatakan di atas projek industri ASEAN (AIP) telah diluluskan oleh negara-negara ASEAN pada tahun 1976. Umumnya negara-negara ASEAN kurang dari segi modal pelaburan dan kemampuan serta kepakaran dalam teknologi industri perkilangan. Pada tahun 1977, kerajaan Jepun telah bersetuju memberi bantuan kewangan sebanyak AS\$ 1 billion di bawah program pinjaman mudah Fukuda. Di bawah AIP beberapa projek telah dirancang dan dilaksanakan. Projek baja urca dilaksanakan di Thailand pada tahun 1984 dan di Malaysia tahun 1986. Projek kertas palpa ASEAN juga telah dilancarkan pada lewat tahun 1980an. Manakala cadangan projek baja fostat, palpa & kuprum di Filipina, serbuk *soda ash* di Thailand dan injin diesel dan vaksin hepatitis B di Singapura masih tergantung. Jumlah industri yang dilaksanakan dan dirancang dalam AIP adalah kurang. Secara kasarnya ianya menunjukkan adanya batasan dalam menjayakan projek-projek AIP. Ada beberapa perkara yang telah menghadkan kejayaan AIP. Pertama projek-projek industri yang telah dikenalpasti tetapi kajian feasibiliti termasuk analisis kos dan faedah tidak atau kurang dijalankan sebelum sesebuah projek tersebut hendak dilaksanakan. Keduaanya negara-negara ASEAN menghadapi

masalah pembiayaan projek. Tidak semua negara ASEAN mampu membiayai projek industri berat yang menelan belanja pelaburan yang besar. Pada waktu itu boleh dikatakan jumlah simpanan dalam ekonomi ASEAN adalah tidak besar. Faktor ketiganya penglibatan sektor swasta iaitu syarikat tempatan negara ASEAN dalam projek AIP adalah amat kurang terutamanya dari segi mengenalpasti projek yang berkeuntungan, formulasi pembangunan projek, pembiayaan projek dan pelaksanaan projek. Keempatnya komitmen di kalangan negara-negara ASEAN adalah kurang. Ini mungkin disebabkan negara-negara anggota ASEAN lebih menumpukan pembangunan sektor perkilangan tempatan dengan penyertaan pelabur-pelabur asing. Faktor akhir ialah masalah kompleksiti dan karenah birokrasi di negara-negara ASEAN. Setiap negara ASEAN mempunyai sistem birokrasi tersendiri dan sudah semestinya terdapat perbezaan dari aspek kecekapan, mesra pelaburan asing dan hal-hal berkaitan dengan pelaburan asing dalam negeri. Faktor karenah birokrasi telah melemahkan sektor swasta dalam membangunkan sesebuah projek industri di bawah AIP.

ASEAN Industrial Complementation (AIC)

Memandangkan AIP boleh dikatakan tidak berjaya dalam membangunkan industri dan meningkatkan perdagangan di ASEAN maka negara-negara ASEAN telah mencadangkan penubuhan *ASEAN Industrial Complementation (AIC)* pada tahun 1981. Di bawah AIC ini negara-negara anggota yang mengeluarkan produk yang sama dalam industri-industri tertentu bekerjasama untuk kepentingan negara-negara anggota itu sendiri. Rasionalnya AIC ini adalah untuk mengelakkan persaingan yang keterlaluan di kalangan negara-negara ASEAN. Contoh industri yang dikenalpasti dan terlibat dalam AIC ialah industri automotif dan barang ganti serta komponen kenderaan. Dalam industri automotif, negara ASEAN boleh memberi perlindungan tarif sebanyak 50 peratus tetapi untuk tempoh 3 tahun sahaja. Bagaimanapun kerjasama dalam industri tersebut telah digantung pada tahun 1983 berpunca dari negara ASEAN itu sendiri. Contohnya, Malaysia telah memulakan projek industri berat dan pembangunan kereta nasional Proton pada awal tahun 1980an. Untuk memastikan kejayaan projek kereta nasional maka kerajaan Malaysia telah mengenakan kadar cukai import yang tinggi untuk kereta dalam bentuk *completely built-up (CBU)* yang melebihi 200 peratus, tarif untuk kenderaan dalam bentuk *completely knocked-down (CKD)* melebihi 100 peratus dan kadar tarif untuk alat ganti kereta juga dinaikkan melebihi 50 peratus.

Usahasama Pelaburan ASEAN (AIJV)

Pada tahun 1983 negara-negara ASEAN telah menubuhkan Usahasama Pelaburan ASEAN (AIJV). Kerajaan negara ASEAN menggalakkan sektor-sektor swasta dalam negara anggota ASEAN bekerjasama dalam melakukan pelaburan bersama-sama dalam sesebuah projek industri. Di bawah AIJV ini hampir 30 buah projek telah diluluskan dan lebih kurang 18 daripadanya telah beroperasi. Jenis-jenis industri terlibat dalam AIJV ialah industri automotif, kimia, peralatan jentera berat, makanan dan aluminium. AIJV

dianggap sebagai asas untuk penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). AIJV juga diandaikan sebagai landasan dalam menubuhkan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) yang mana ianya telah pun dipersetujui oleh negara-negara ASEAN pada tahun 1998.

Brand-to-brand Complementation (BBC)

Pada tahun 1988 negara-negara anggota ASEAN telah melaksanakan *Brand-to-brand Complementation (BBC)*. Perjanjian industri ini lebih bertumpu dalam industri automotif. Tarif ke atas alat-ganti dan komponen komponen kereta yang dikeluarkan oleh negara ASEAN dhadkan sehingga 51 peratus. Malaysia dan Thailand telah menandatangani perjanjian BBC pada tahun 1994 dalam industri automotif. Di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia dan Thailand mempunyai industri automotif yang besar dari segi jumlah kilang-kilang pengeluaran komponen kereta dan pemasangan kereta berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Dalam konteks ASEAN, Malaysia dan Thailand bersaing antara satu sama lain dalam industri kereta. Thailand dikenali sebagai "*Asian Detroit*". Di Malaysia projek kereta nasional Proton telah mengekang pembangunan pesat industri kenderaan bermotor dengan lebih pesat. Manakala dengan struktur cukai import atau tarif yang mana struktur cukai tersebut memberi perlindungan terhadap industri Proton maka ianya telah membentuk pasaran kenderaan bermotor yang tidak liberal.

Secara keseluruhannya, kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN dalam program BBC ini adalah amat kurang. Ini berpunca pertamanya pilihan lokasi pengeluaran tidak sesuai atau dipertikaikan oleh negara-negara ASEAN itu sendiri. Sebabnya mungkin ada di kalangan negara-negara ASEAN mengusahakan industri tersebut. Oleh kerana itu kerajaan negara berkenaan tidak mahu sebarang persaingan atau berminat bekerjasama dalam industri tersebut. Keduanya yang menentukan projek serta pelaksanaan ialah sektor swasta. Kerajaan hanya boleh memberi cadangan mengenai kerjasama atau usahama projek di bawah BBC tetapi akhirnya sektor swasta yang akan menentukan sama ada mereka bersetuju atau pun tidak untuk menjalankan usahama projek industri di bawah BBC itu. Jika sektor swasta maka sudah semestinya pilihan lokasi dan kemudahan-kemudahan berkait dengan pembangunan industri diambilkira yang mana boleh mengurangkan kos pengeluaran.

Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA)

Seperti yang telah dinyatakan AIJV merupakan landasan dalam pembentukan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA). AIA telah dipersetujui dan ditubuhkan pada Oktober 1998 semasa mesyuarat menteri ekonomi ASEAN. Pada tahun ini juga perjanjian untuk sektor perkhidmatan dan perjanjian pemudahan pengangkutan barang juga telah diluluskan. Pada tahun 1998 Pelan Tindakan Hanoi (1999-2004) dipersetujui oleh negara-negara ASEAN untuk merealisasikan Visi ASEAN 2020 terutamanya mengenai penubuhan pasaran bebas maka AFTA dan AIA telah dipercepatkan pelaksanaannya. Di bawah AIA (a) kerjasama sektor swasta diperluaskan, (b) kebebasan masuk modal, kemahiran dan teknologi diperluaskan, (c) mewujudkan transparansi dalam

hal berkaitan dengan polisi pelaburan, peraturan, prosedur dan proses pentadbiran (birokrasi), (d) mewujudkan penyatuan kerjasama pelaburan dari segi memudahkan proses kemasukan pelaburan dan mempromosikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan asing yang utama, dan akhirnya (e) layanan nasional atau keutamaan untuk pemodal dari kesatuan ASEAN berbanding pemodal bukan dari ASEAN.

Jadual 1 menunjukkan FDI dalam ASEAN. Pada tahun 1995 jumlah FDI di ASEAN ialah AS\$28.1 billion tetapi jumlah tersebut telah menurun kepada AS\$19.3 billion dalam tahun 2003. Puncanya disebabkan masalah krisis ekonomi yang melanda di negara-negara Asia Tenggara dan Timur termasuk negara Indonesia, Malaysia dan Thailand. Malahan politik di beberapa buah negara di ASEAN kurang stabil iaitu negara Filipina dan Indonesia. Hal-hal ini telah membuatkan pelabur-pelabur asing kurang yakin dengan tahap kestabilan ekonomi dan politik di rantau ASEAN. Faktor kedua ialah pembangunan ekonomi yang pesat di China. Sejak tahun 1998 sebahagian besar FDI di Asia memasuki negara China berbanding negara-negara Asia lain termasuk ASEAN.

Jika dilihat dari segi sumber FDI, jumlah pelaburan langsung asing intra-ASEAN pada tahun 1995 ialah 16.6 peratus dari jumlah FDI di ASEAN. Kadar ini telah menurun ke 10.7 peratus dalam tahun 2003. Pada tahun 1995 pelabur dari Amerika Syarikat menyumbangkan sebanyak 15.4 peratus, Jepun pula menyumbangkan sebanyak 20.1 peratus dan negara Kesatuan Eropah menyumbangkan sebanyak 18.0 peratus. Pada tahun berikutnya iaitu selepas jangkamasa krisis ekonomi 1997-1999, jumlah pelaburan dari negara Jepun telah menurun dengan agak ketara iaitu sebanyak 10.7 peratus dalam tahun 2003 tetapi pelaburan dari Amerika Syarikat meningkat dalam tahun 2000 dan menurun dalam tahun 2003. Pelabur-pelabur dari EU telah menjadi penyumbang utama kepada jumlah FDI dalam tahun 2000 dan 2003. Walaubagaimanapun pelabur dari Amerika Syarikat juga Jepun masih merupakan pelabur tunggal yang utama dalam ekonomi ASEAN.

Jadual 1: Pelaburan Langsung Asing (FDI) di ASEAN

Tahun	1995	2000	2003
Total (AS\$juta)	<i>28,080</i>	<i>23,405</i>	<i>19,346</i>
<i>Sumber FDI (negara) (%)</i>			
ASEAN	<i>16.6</i>	<i>5.1</i>	<i>10.7</i>
Amerika Syarikat	<i>15.4</i>	<i>22.8</i>	<i>15.1</i>
Jepun	<i>20.1</i>	<i>4.0</i>	<i>10.7</i>
EU (15)	<i>18.0</i>	<i>35.8</i>	<i>36.6</i>

Sumber: Laman web ASEAN Sekretariat, www.aseansec.org.

KERJASAMA PERDAGANGAN ASEAN

Dalam konteks ASEAN terdapatnya dua kerjasama mengenai pembangunan perdagangan intra-negara yang utama iaitu Skim Keutamaan Perdagangan (PTA) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Skim Keutamaan Perdagangan

Kerjasama perdagangan antarabangsa di kalangan anggota ASEAN telah bermula pada tahun 1978 dengan penubuhan Skim Keutamaan Perdagangan atau dikenali dengan (*Preferential Trading Arrangement*) PTA. Skim PTA ini telah dicadangkan pada Deklarasi ASEAN 1976. Perjanjian PTA ditandatangani pada 24 Februari 1977 dan dilaksanakan pada tahun 1978.

Dalam kajian ekonomi antarabangsa skim PTA merujuk kepada suatu pakatan ekonomi atau pengintegrasian perdagangan yang longgar. Dalam Skim Keutamaan Perdagangan (PTA), dua buah negara atau lebih membangunkan pakatan PTA dengan mengurangkan duti import atau tarif ke atas produk keluaran syarikat milik tempatan. Duti import ke atas barang bukan dari ahli pertubuhan kekal tidak berubah. Manakala skim PTA tidak melibatkan urusanniaga yang berkaitan dengan butiran dalam akaun modal imbalan pembayaran.

Berasaskan definasi, skim PTA lebih menjurus terhadap perkara-perkara berkaitan bagaimana hendak meningkatkan pertumbuhan perdagangan intra-negara. Umumnya instrumen yang terlibat untuk meningkatkan pertumbuhan perdagangan intra-negara ialah dengan pemotongan atau pemansuhan cukai import atau tarif ke atas produk keluaran syarikat milik tempatan dan memenuhi peraturan "*rule of origin*". Halangan bukan berbentuk tarif (NTB) seperti kuota, peraturan mengenai kawalan kesihatan, keselamatan pengguna, duti timbal-balas, duti anti lambakan dan halangan-halangan lain yang bukan dalam bentuk pengenaan cukai mungkin dikurangkan "*keperlingannya*". Tetapi dalam kes ASEAN perkara berkaitan dengan NTB ini amat kurang diberi perhatian.

Dalam PTA ASEAN, pemotongan kadar tarif untuk produk-produk keluaran syarikat tempatan negara anggota ialah antara 10-50 peratus. Pada mulanya kaedah dalam melaksanakan pengurangan kadar tarif berdasarkan pendekatan "*product-by-product*". Malangnya kaedah ini kurang berjaya meningkatkan pertumbuhan intra-perdagangan ASEAN maka kaedah pengurangan kadar tarif "*across-the-board*" dilaksanakan dalam tahun 1981. Seperti yang telah dinyatakan hanya produk yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan negara anggota ASEAN dibenarkan terlibat atau mendapat keistimewaan dalam skim PTA dengan syarat produk tersebut memenuhi peraturan "*rule of origin*". Jumlah produk yang terlibat dalam senarai PTA dari tahun ke tahun meningkat. Contohnya dalam kes Malaysia, pada tahun 1978 sebanyak 158 produk keluaran ASEAN ditawarkan insentif PTA, dan jumlah ini telah meningkat sebanyak 2148 produk dalam tahun 1983, 3755 produk dalam tahun 1988 dan 4809 produk tahun 1992. Pada penghujung tahun 1992 jumlah produk keluaran ASEAN dalam skim PTA berjumlah 16,458 produk.

Jadual 2: Perdagangan Intra-ASEAN (peratus)

	Eksport	Import
1980	17.4	14.4
1985	18.6	17.2
1990	19.0	15.2
1995	24.6	18.3
2000	23.0	22.5
2004	22.2	22.6

Sumber: ADB Statistical Database.

Sebelum skim PTA dilaksanakan jumlah perdagangan intra-ASEAN untuk tahun 1970 ialah 17.2 peratus dari jumlah perdagangan ASEAN. Adakah dengan pelaksanaan skim PTA dapat meningkatkan perdagangan intra-ASEAN? Sejak dilaksanakan Skim PTA, jumlah eksport ASEAN dalam tahun 1980 ialah 17.4 peratus manakala import pula 14.4 peratus (Jadual 2). Dalam tahun 1985 eksport ASEAN meningkat ke 18.6 peratus dan import pula meningkat ke 17.2 peratus. Dalam tahun 1990 jumlah ekport meningkat dengan kadar kecil iaitu 19.0 peratus, manakala import pula merosot ke paras 15.2 peratus. Berdasarkan data-data dalam Jadual 2, skim perdagangan PTA kurang membantu meningkatkan pertumbuhan perdagangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Secara kasarnya eksport ASEAN dari jumlah perdagangan tahun 1990 lebih kurang sama dengan tahun 1970. Jika eksport dari Singapura ke ASEAN diketepikan, perdagangan intra-ASEAN turun dari 3.9 peratus tahun 1970 ke 3.6 peratus tahun 1990². Data-data mengenai penggunaan skim PTA oleh negara-negara ASEAN dalam perdagangan intra-negara sukar diperolehi. Untuk kes negara Indonesia, penggunaan produk dibawah skim PTA untuk tahun 1980 kurang dari 2 peratus dari jumlah perdagangan intra-ASEAN dan lebih kurang 5 peratus dalam tahun 1985³. Untuk ASEAN keseluruhannya pula hanya 2.6 peratus dari produk disenaraikan dalam skim PTA diperdagangkan dan ini pula bersamaan dengan 19.0 peratus nilai sebenar perdagangan intra-ASEAN tahun 1987⁴.

Perkembangan perdagangan intra ASEAN sebenarnya mendukacitakan. Ada beberapa faktor yang telah membawa kepada kegagalan skim PTA dalam meningkatkan pertumbuhan perdagangan intra-ASEAN. Pertamanya komitmen negara anggota ASEAN adalah rendah dalam merangsangkan perdagangan serantau. Salah satu sebab utamanya ialah sebahagian besar dari anggota-anggota ASEAN kekal bergantung terhadap pasaran Amerika Syarikat dan Jepun dan dua negara ini adalah rakan dagangan utama mereka. Jumlah perdagangan antara ASEAN dengan 2 buah negara ini antara 60-70 peratus dari jumlah perdagangan. Tambahan pula dua buah negara tersebut merupakan penyumbang utama FDI.

Sebab keduanya berkait dengan produk-produk yang ditawarkan di bawah skim PTA. Sebahagian besar dari jumlah produk yang ditawarkan dalam skim tersebut oleh negara-negara anggota ASEAN adalah barang-barang yang tidak dikeluarkan oleh negara-negara tersebut. Sebahagian besar dari produk berkenaan dikeluarkan oleh syarikat asing atau memang tiada langsung dikeluarkan oleh syarikat tempatan atau syarikat MNC yang beroperasi di negara-negara ASEAN. Produk-produk yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan negara anggota ASEAN kadar tarifnya masih pada kadar yang tinggi. Dalam kata lain sebahagian dari negara-negara ASEAN masih memberi perlindungan tarif terhadap industri tempatan. Jika dilihat purata kadar tarif negara ASEAN 5: Filipina 22.9 peratus; Indonesia 20.3 peratus; Malaysia 9.7 peratus; Thailand 36.3 peratus; Singapura 0.4 peratus⁵ (GATT, Julai 1991).

Sebab ketiganya berkait dengan polisi pembangunan industri. Fasa pertama pembangunan industri seperti yang telah dinyatakan pada awalnya ialah galakan penubuhan industri ISI tetapi malangnya industri ini gagal membantu perkembangan sektor perkilangan dan merangsangkan pertumbuhan eksport. Industri ISI ini tidak berkemampuan untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN iaitu kemelesetan ekonomi kesan dari kejatuhan harga komoditi di pasaran dunia pada tahun 1958-59. Kesan kemelesetan ekonomi tersebut berlarutan sehingga ke lewat tahun 1960an. Untuk mengatasi masalah kelembapan ekonomi hampir kesemua negara anggota ASEAN telah beralih ke industri berorientasikan eksport (EOI) pada awal tahun 1970an. Pembangunan industri EOI bergantung terhadap kemasukan pelaburan langsung asing (FDI). Perkembangan sektor perkilangan jenis EOI dikuasai oleh MNC. Perdagangan eksport-import dari keluaran industri EOI lebih bertumpu ke negara-negara penyumbang FDI dan ke negara-negara maju.

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Memandangkan hasil dari Skim PTA terhadap pertumbuhan perdagangan intra-ASEAN amat kurang memberangsangkan, maka negara-negara anggota ASEAN telah beralih pandangan dan telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau lebih dikenali dengan AFTA pada tahun 1992 semasa mesyuarat peringkat menteri ASEAN di Singapura. Untuk merealisasikan AFTA maka kerajaan negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk mengambil pendekatan pemotongan tarif mengikut kaedah *Cumulative Preferential Effective Tariff* (CEPT). CEPT ini merupakan landasan dalam membentuk AFTA pada tahun 2005. Pada tahun 2005 kadar tarif dikalangan negara-negara ASEAN terutamanya ASEAN-6 (Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) seharusnya di antara 0-5%.

Pada asalnya AFTA dicadangkan pada tahun 2008. Tetapi disebabkan oleh tiga faktor ASEAN telah memendekkan jangka masa penubuhan AFTA dari tahun 2008 ke tahun 2005. Faktor-faktor tersebut ialah (1) ketidakpastian hasil perjanjian rundingan pelbagai hala Uruguay dari segi meningkatkan pertumbuhan eksport serta ekonomi negara-negara ASEAN, (2) penambahan

bilangan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala di dunia dan (3) kekusaran kesan negatif terhadap ekonomi ASEAN dari penubuhan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara dan penubuhan Kesatuan Eropah (EU). AFTA sebenarnya telah pun bermula pada tahun 2003 dan ini melibatkan ASEAN-6. Manakala untuk ahli-ahli baru ASEAN diberi kelonggaran dalam membuka pasaran bebas kepada negara ahli yang lain (lama). Viet Nam akan membuka pasaran sepenuhnya pada tahun 2006, Laos dan Myanmar pada tahun 2008 dan Kemboja pada tahun 2010.

Jaduai 3: AFTA: Senarai Barang mengikut "Tariff Lines"-2003 CEPT

	<i>Inclusion List</i>	TEL	GEL	SL	Total
Brunei	97.61	-	2.39	-	6,492
Filipina	99.54	-	0.28	0.18	5,658
Indonesia	98.92	-	0.93	0.15	7,285
Malaysia	97.32	2.1	0.51	0.08	10,395
Singapura	100.0	-	-	-	10,716
Thailand	100.0	-	-	-	9,211
ASEAN-6	98.92 (44,361)	0.44 (218)	0.59 (292)	0.06 (29)	49,757
Kemboja	45.66	51.64	1.96	0.73	6,822
Laos	71.39	24.33	2.08	2.20	3,551
Myanmar	76.43	22.37	0.88	0.33	5,472
Viet Nam	97.07	-	2.14	0.79	6,487
KLMV	72.22	25.13	1.77	0.88	22,332
	(16,129)	(5,611)	(395)	(197)	
Total ASEAN	65,347	5,829	687	226	72,089

Sumber: Laman web ASEAN Sekretariat, www.aseansec.org.

Sama seperti dalam kes skim PTA, terdapatnya senarai-senarai produk yang ditawarkan di bawah CEPT. Dalam CEPT ada beberapa kategori senarai produk iaitu senarai produk yang dimasukkan langsung (*Inclusion list-IL*), senarai sementara produk dikecualikan (*temporary exclusion list-TEL*), senarai am produk dikecualikan (*general exclusion list-GEL*) dan senarai produk sensitif (*sensitive list*). Sehingga akhir 2003, jumlah produk yang ditawarkan di bawah CEPT mengikut senarai produk untuk ASEAN-6 berjumlah 49,757. Manakala untuk negara Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam jumlah produk yang

ditawarkan di bawah CEPT ialah 22,332. Jumlah keseluruhan produk yang ditawarkan ialah 72,089 produk (Jadual 3).

Senarai TEL, GEL dan SL boleh dikatakan adalah senarai-senarai produk yang masih diberi perlindungan tarif oleh negara dalam pakatan AFTA. Walaupun adanya senarai produk yang akan dikecualikan tariff sama ada secara langsung atau untuk sementara waktu tetapi ini tidak bermakna bahawa negara-negara dalam ASEAN tidak memberi perlindungan tarif. Ini kerana mungkin adanya produk-produk yang dianggap penting dan strategik yang tidak dimasukkan langsung dalam senarai-senarai produk seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3. Singapura dan Thailand tidak memasukkan barang dalam senarai-senarai tersebut tetapi ini tidak bermakna kerajaan negara-negara tersebut tidak memberi perlindungan tarif untuk produk keluaran tempatan negara berkenaan.

Jadual 4: ASEAN: Destinasi Eksport dan Import

Tahun	Eksport				Import			
	1993	1995	2000	2003	1993	1995	2000	2003
Total AS\$bil	206.6	296.7	410.1	430.4	223.3	318.6	345.9	359.3
	<i>Destinasi Eksport (%)</i>				<i>Import dari (%)</i>			
ASEAN	21.1	23.7	22.6	23.2	17.4	16.8	21.2	20.8
AS	20.3	18.5	18.0	14.3	15.1	14.6	14.0	13.9
EU(15)	15.2	14.9	15.3	13.2	14.3	14.6	11.3	11.9
Jepun	15.0	14.4	12.3	11.7	24.9	24.7	19.0	16.1
China	2.2	2.1	3.5	6.3	1.9	2.2	5.2	7.9

Sumber: Asian Development Bank Statistical Database

Sejak AFTA dicadangkan dalam tahun 1992, perdagangan intra-ASEAN agak meningkat. Pada tahun 1993 eksport intra-ASEAN ialah 21.1 peratus dari jumlah eksport ASEAN manakala import pada tahun tersebut ialah 17.4 peratus (Jadual 4). Pada tahun 2003 eksport intra ASEAN meningkat ke 23.2 peratus dari jumlah eksport ASEAN dan import pula sebanyak 20.8 peratus. Berbanding dengan skim PTA, di bawah AFTA adanya kemajuan dalam meningkatkan perdagangan intra-ASEAN. Walaupun AFTA telah berjaya meningkatkan perdagangan intra-ASEAN, Amerika Syarikat dan Jepun masih lagi merupakan rakan-rakan dagangan utama anggota ASEAN. Salah satu fenomena baru dalam perdagangan ASEAN ialah perkembangan perdagangan di antara ASEAN dengan negara China. Jumlah eskport ASEAN ke China telah meningkat dari 2.2 peratus pada tahun 1993 ke 6.3 peratus pada tahun 2003. Manakala import ASEAN dari China juga telah meningkat dari 1.9 peratus ke 7.9 peratus, untuk tahun-tahun yang sama (Jadual 4).

Walaupun ada sedikit kemajuan pertumbuhan perdagangan intra-ASEAN di bawah AFTA tetapi negara-negara anggota ASEAN masih tidak sepakat dalam pengliberalan sektor-sektor pengeluaran tertentu terutamanya sektor pertanian, tekstil dan automotif. AFTA juga mulai dilihat tidak begitu berkesan meningkatkan pengintegrasian ekonomi. Ini berpunca sejak pelbagai perjanjian perdagangan FTA dua-hala ditandatangani. Ini dimulai dengan Singapura. Kerajaan Singapura telah menandatangani perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat, Chile, Jepun, New Zealand, Australia. Disebabkan karenah Singapura maka negara-negara ASEAN yang lain turut mengikut jejak Singapura di mana Thailand juga telah menandatangani perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat dan Jepun. Begitu juga dengan Malaysia di mana Malaysia telah menandatangani FTA dengan Pakistan dan Jepun, manakala dengan Amerika Syarikat masih dalam peringkat rundingan.

Perkembangan membentuk pakatan dua-hala melalui FTA dengan negara-negara lain terutamanya negara-negara dagangan utama sebenarnya telah melemahkan semangat AFTA itu sendiri. Ini berpunca dari komitmen yang kurang dari negara-negara ASEAN itu sendiri untuk merealisasikan satu kawasan perdagangan bebas dalam rantau ini. Sebahagian negara ASEAN masih memberi perlindungan tarif terhadap industri tempatan tertentu (lihat Jadual 3). Juga, sama seperti dalam kes skim PTA, sebahagian besar produk yang ditawarkan dalam IL adalah jenis produk EOI yang mana mungkin sebahagiannya dikeluarkan oleh MNC atau mungkin produk-produk tersebut tidak dikeluarkan langsung oleh sama ada oleh syarikat MNC atau syarikat milik tempatan.

Seperti dalam kes Skim PTA, AFTA mulai dilihat akan kurang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN. Maka negara-negara ASEAN telah mencadangkan penubuhan Komuniti ASEAN dimulai dengan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (KEA) menjelang tahun 2020. Ada beberapa faktor yang telah merangsangkan penubuhan suatu pasaran bebas berbentuk KEA. Pertamanya, sejak rundingan perjanjian rundingan Uruguay dimeterai pada April 1994 di Marrakesh, ekonomi dunia telah berpecah kepada blok-blok perdagangan bebas. Ini membayangkan bahawa 144 ahli (negara) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) kurang yakin bahawa kesemua perkara dalam perjanjian Uruguay akan diikuti sama ada oleh negara maju mahupun negara membangun. Berpunca dari ketidakyakinan itu maka pelbagai jenis blok perdagangan dibentuk atau perjanjian FTA ditandatangani. Keduanya, penguasaan ekonomi dunia oleh Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah (EU) dalam ekonomi dunia semakin besar. Ketiganya kemunculan kuasa ekonomi China dan India telah pun memberi kesan negatif kepada negara-negara ASEAN dari segi pengherotan haluan perdagangan antarabangsa dan juga penyimpangan FDI dari ASEAN ke China dan India. Keempatnya, sejak krisis ekonomi Asia Tenggara tahun 1997-1999, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) telah dilihat oleh negara-negara ASEAN dan Asia Timur terutamanya China dan Korea Selatan tidak begitu penting lagi dan sebahagian besar anggota ASEAN pula kurang sepakat melibatkan diri dalam APEC. ASEAN dan negara-negara Asia Timur terutamanya China dan Korea Selatan lebih menumpukan terhadap pembangunan Kerjasama

Ekonomi Asia Timur. Oleh itu APEC ketika ini dilihat tidak lebih sebagai perbincangan meja-bulat atau “cakap di kedai kopi”.

ASEAN: MASALAH DALAM INTEGRASI EKONOMI

Berdasarkan faktor-faktor seperti yang telah dihuraikan dalam bahagian-bahagian terdahulu, negara-negara ASEAN pada perundingan ASEAN ke 9 iaitu pada 7 Oktober 2003, pemimpin-pemimpin ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2020. Perundingan ini dikenali sebagai Persetujuan Bali ke 2 atau lebih dikenali dengan *Bali Concord 11*. Untuk memulakan Komuniti ASEAN, kerjasama ekonomi telah diambil dan dijadikan sebagai landasan dalam membawa ASEAN ke arah Komuniti Ekonomi. Sebenarnya, idea penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN telah dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong pada persidangan ASEAN 2002. Cadangan beliau telah diambil kira oleh ASEAN dan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Menteri Ekonomi ASEAN iaitu Jawatankuasa Kerja tertinggi Menteri Ekonomi ASEAN atau *ASEAN Economic Ministers' High Level Task Force (HLTF)* telah diarahkan melihat dan merangka hala tuju Komuniti Ekonomi ASEAN (KEA). Seperti yang telah dibincangkan di atas adakah ASEAN akan mampu melaksanakan dan merealisasikan Visi ASEAN 2020 untuk membangunkan sebuah pasaran bebas, KEA.

Bertolak dari Tindakan Hanoi 1998, HLTF telah menggariskan beberapa perkara dalam proses untuk mencapai matlamat penubuhan KEA. Perkara-perkara tersebut ialah: (a) integrasi 11 sektor utama dipercepatkan iaitu sektor industri elektronik-elektikal, perkhidmatan; (b) penyelesaian cepat Kastam dan memudahkan prosedur-prosedur Kastam; (c) penghapusan halangan-halangan perdagangan sama ada berbentuk tarif atau bukan tarif; (d) mempercepatkan pelaksanaan sektor ekonomi yang telah dipersetujui iaitu peralatan elektikal dan elektronik; (e) menyelaraskan peraturan standard dan teknikal. Di samping itu juga, HLTF mencadangkan penubuhan mekanisma penyelesaian pertikaian (DSM), oleh itu suatu unit perundangan perlu ditubuhkan di peringkat ASEAN.

KEA diandaikan akan menjadi sebuah pasaran tunggal dan juga sebagai kawasan utama pengeluaran. Aliran barang atau produk, perkhidmatan, pelaburan dan buruh berkemahiran akan menjadi lebih bebas. Juga pergerakan modal (portfolio) akan bebas. Halangan-halangan bukan berbentuk tarif (NTB) seperti kuota, peraturan kesihatan, keselamatan pengguna dan instrumen NTB yang lain dihapuskan. Cukai import atau tarif untuk semua kategori barang seperti dalam Jadual 3 perlu dihapuskan.

Adakah penubuhan KEA akan berjaya? Berdasarkan perbincangan mengenai sejarah kerjasama ekonomi, dijangkakan negara-negara ASEAN akan menghadapi pelbagai “hiccup” dalam mencapai matlamatnya untuk menubuhkan KEA. Juga dari perbincangan di atas beberapa masalah mengenai pengintegrasian ekonomi boleh digariskan. Masalah-masalah inilah yang akan memberi petanda adakah KEA dapat direalisasikan ataupun tidak.

1. Komitmen Kurang. Pencapaian kerjasama-kerjasama ekonomi sebelum cadangan penubuhan KEA adalah kurang memberangsangkan. Komitmen dan usaha yang bersungguh-sungguh boleh dikatakan kurang di kalangan negara ASEAN untuk menjayakan program integrasi ekonomi sama ada peningkatan perdagangan intra-ASEAN mahupun bekerjasama membangunkan industri perkilangan bersama.
2. Negara-negara ASEAN lebih mementingkan ekonomi tempatan dengan memberi perlindungan tarif ke atas industri-industri milik tempatan. Ada negara yang tidak mahu pasarannya dikuasai oleh produk-produk keluaran negara asing. Dalam AFTA sebagai contohnya, sebahagian dari negara ASEAN kurang kesepakatan dalam meliberalkan beberapa sektor pengeluaran terutamanya industri pertanian, tekstil dan automotif. Negara-negara ASEAN hendak menjaga industri tempatan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh negara anggota lain tidak dipersetujui kerana cadangan dari negara tersebut mungkin akan menggugat sektor-sektor ekonomi tertentu di negara-negara ASEAN yang lain.
3. Pengaruh "*patriotik industri tempatan*" berkait dengan faktor saiz pasaran dan perlindungan oleh kerajaan terhadap industri berorientasi tempatan yang mana polisi perlindungan ini menjaga industri tempatan dari persaingan oleh industri asing yang bertapak dalam negara berkenaan atau dari barang diimport. Kes klasik adalah negara Malaysia iaitu kes industri kereta nasional Proton. Walaupun kadar cukai import atau tarif di bawah AFTA telah dikurangkan di bawah paras 5 peratus tetapi untuk melindungi industri berkenaan kerajaan terpaksa mengenakan cukai jualan dan eksais yang hampir pada paras 200-300 peratus dan kesannya harga kereta kekal tidak berubah, malah semakin mahal. Faktor ini telah memperlambat proses liberalisasi perdagangan di peringkat ASEAN.
4. Berkait dengan faktor 2, negara-negara ASEAN telah membelakangkan hasrat dan matlamat gagasan itu sendiri untuk mewujudkan sebuah integrasi ekonomi ASEAN dengan menjalinkan pelbagai perjanjian perdagangan dua-hala FTA dengan pelbagai negara. Secara tidak langsung hal perjanjian FTA tersebut telah mengurangkan semangat di kalangan negara-negara ASEAN untuk lebih komited dalam membangunkan sebuah kawasan perdagangan bebas di rantau ini.
5. Polisi pembangunan industri ASEAN lebih condong ke arah industri berorientasikan eksport (EOI) yang mana jenis industri ini lebih bergantung terhadap modal asing. Sebahagian besar output dari industri ini dieksport ke negara penyumbang modal dan ke negara-negara maju terutamanya negara-negara OECD.
6. Komitmen dari segi politik untuk menggerakkan pengintegrasian ekonomi sama ada di peringkat negara atau ASEAN adalah kurang. Pemimpin-pemimpin lebih condong mengutarakan dan

mencadangkan pelbagai usahasama ekonomi tanpa diikuti dengan gerak kerja untuk merealisasikan cadangan usahasama-usahasama ekonomi tersebut.

KENAPA ASEAN PERLUKAN PASARAN BEBAS-KEA

Dengan pelbagai masalah yang timbul dalam mengintegrasikan ekonomi ASEAN terutama dalam menjayakan usahasama industri perkilangan, skim PTA dan AFTA, malahan AFTA masih belum berjaya direalisasikan, kenapa pemimpin ASEAN masih perlukan suatu integrasi ekonomi yang lebih erat iaitu dengan hendak menubuhkan sebuah pasaran bebas seperti Komuniti Ekonomi ASEAN (KEA).

Pemimpin negara-negara ASEAN memikirkan bahawa ASEAN perlu membentuk suatu pakatan ekonomi yang lebih liberal agar ianya dapat membantu memperkembangkan pertumbuhan ekonomi dan mempercepatkan pembangunan ekonomi. Jika pakatan seperti Komuniti Ekonomi ASEAN ditubuhkan maka ianya akan dapat menarik masuk lebih banyak peluang-peluang ekonomi seperti pelaburan langsung asing (FDI) dan perdagangan intra-ASEAN akan menjadi lebih besar. Juga ASEAN akan menjadi sebuah rantau atau kawasan pengeluaran perkilangan utama dan lebih menarik. KEA akan menjadi sebagai suatu magnet penarikan FDI.

Adanya KEA maka ianya akan menjadi suatu alternatif kepada pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara ASEAN berbanding dengan di negara China. ASEAN khasnya akan menjadi sebagai kawasan pengeluaran untuk MNC yang utama semula seperti yang berlaku dalam tahun 1980an sehingga awal tahun 1990an sebelum diambil alih oleh China sejak tahun 1996.

Faktor perkembangan ekonomi China dan India sebenarnya telah memberi tempas yang berat terhadap perkembangan ekonomi negara-negara ASEAN. Disebabkan itu maka penubuhan perjanjian perdagangan bebas (FTA) di antara ASEAN dengan China dan Korea Selatan telah ditandatangani. Dengan China perjanjian FTA telah ditandatangani pada November 2002 dan dengan Korea Selatan pula pada Disember 2005. Rundingan FTA dengan Jepun dan India masih berjalan dan dijangkakan kata sepakat akan dicapai dalam tahun 2006. Negara-negara ASEAN mengharapkan dengan perjanjian FTA dengan China, Korea Selatan, Jepun dan India akan dapat mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi ASEAN dari aspek pengherotan perdagangan dan penyimpangan pelaburan langsung asing.

Faktor lain yang merangsangkan cadangan penubuhan KEA adalah kemungkinan kegagalan perjanjian perdagangan antarabangsa di bawah naungan WTO iaitu Rundingan Perjanjian Doha. Rundingan Doha telah bermula di Doha, Qatar pada tahun 2001. Rundingan Doha kedua telah diadakan di Cancun, Mexico pada September 2003 tetapi malangnya rundingan tersebut juga gagal dalam mencapai kata sepakat. Walaubagaimanapun WTO masih berusaha meneruskan Rundingan Doha. Yang terkini Rundingan Doha telah diadakan semula di Hong Kong pada 15-17 Disember 2005. Dalam Rundingan Doha isu-isu yang terlibat ialah penembusan pasaran terutamanya

dalam sektor keluaran pertanian, perdagangan perkhidmatan, pelaburan langsung asing di bawah perjanjian TRIMs, perdagangan berkaitan dengan hak intelektual (TRIPs), transparansi dalam hal-hal perdagangan, perolehan kerajaan dan peraturan-peraturan berkaitan dengan urusan antarabangsa dan mekanisme penyelesaian pertelingkahan. Ada kata sepakat dalam perkara-perkara perjanjian tertentu terutamanya dalam aspek pertanian walaupun sebahagian dari ahli terutamanya dari negara membangun tidak begitu senang dengan hasil rundingan di Hong Kong. Bagaimanapun banyak perkara yang perlu diuruskan dan dirundingkan lagi dan rundingan susulan akan diadakan dalam tahun 2006. Jika Rundingan Doha berjaya ianya akan memberi tamparan yang besar kepada negara ASEAN kerana negara-negara ASEAN kecuali Singapura masih belum bersedia menerima kesemua komponen dalam rundingan Doha. Jika rundingan Doha gagal ianya juga akan memberi implikasi negatif sebabnya dunia akan lebih berpecah kepada blok-blok perdagangan dan diskriminasi dalam hal ekonomi antarabangsa akan menjadi lebih serius. Ini sudah tentu akan mengganggu rancangan ASEAN dalam pengliberalan perdagangan dan pelaburan asing.

Faktor lain ialah usaha kerajaan Amerika Syarikat dengan beberapa buah negara dari benua Amerika Latin untuk menubuhkan kawasan perdagangan bebas Benua Amerika juga telah memberi kegusaran kepada negara ASEAN. Jika FTA Benua Amerika dibangunkan, sumber-sumber ekonomi dunia mungkin sebahagian besarnya akan beralih ke rantau tersebut. Jika ini berlaku maka perkembangan ekonomi serta pembangunan di negara-negara ASEAN mungkin akan terbantut di samping menghadapi persaingan dari negara China dan India. Malahan masalah sosio-ekonomi di negara ASEAN akan menjadi lebih serius terutamanya di Indonesia, Thailand dan Filipina yang mana pada masa kini berusaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan.

FAKTOR KEJAYAAN KEA

Kejayaan ASEAN dalam pengintegrasian ekonomi iaitu mencapai cita-cita membangunkan KEA bergantung sejauhmana ia mampu mengeksploit saiz pasarannya. Saiz pasaran seharusnya dieksploit secara meluas supaya perkembangan ekonomi dapat diperbesarkan dan kemakmuran dalam ekonomi ASEAN dapat dicipta. Pada tahun 2003 jumlah penduduk ASEAN melebihi 500 juta. Malangnya saiz pasaran ini tidak dieksploit sepenuhnya oleh sektor korporat ASEAN dan polisi kerajaan negara-negara ASEAN kurang menjurus pembangunan sektor pengeluaran yang berorientasikan ASEAN. Untuk kes ASEAN di peringkat negara pula, walaupun cadangan pengurangan halangan-halangan perdagangan telah dikurangkan tetapi ada sektor-sektor tertentu keluaran tempatan masih dilindungi. Contohnya dalam industri pertanian termasuk perikanan, tekstil dan pakaian dan industri ringan lain seperti makanan-minuman.

Jadual 5 : ASEAN Indikator Saiz Pasaran

	Jumlah Penduduk (juta), 2003	KDNK (AS\$bil) 2004	KNK Perkapita (AS\$) 2003	Pertumbuhan KDNK benar (%) 2004
Brunei	0.4	5.7	na	1.1
Kemboja	12	4.9	300	4.3
Indonesia	215	257.8	810	5.1
Lao PR	5.7	2.4	340	6.0
Malaysia	25	118.3	3,880	7.1
Myanmar	49	6.9	td	5.0
Filipina	82	84.8	1,080	6.1
Singapura	4.3	106.8	21,230	8.4
Thailand	62	163.5	2,190	6.1
Viet Nam	81	43.9	480	7.7

Sumber: Asian Development Bank Statistical Database. td=tidak diperolehi.

Faktor keterbukaan ekonomi juga memainkan peranan yang penting. Untuk negara Singapura dan Brunei, negara-negara ini saiznya kecil dan ekonominya pula amat terbuka. Oleh itu, walaupun cukai import dikurangkan atau dihapuskan impak negatif terhadap ekonomi mungkin amat kurang berlaku kerana struktur pengeluaran dan permintaan ekonominya ditentukan oleh faktor luar negeri. Manakala bagi kes Malaysia indeks keterbukaan ekonomi (jumlah eksport + import/ Keluaran Dalam Negeri Kasar) melebihi 160 peratus. Walaupun ekonomi Malaysia terbuka tetapi masih ada perlindungan tarif ke atas sektor industri berorientasi tempatan. Manakala negara Thailand, Indonesia, Filipina dan Viet Nam walaupun negara-negara ini terlibat dengan perdagangan antarabangsa tetapi keterbukaan ekonomi adalah kurang dari 70 peratus. Apa yang hendak diterangkan sumber pertumbuhan ekonomi untuk tiga negara tersebut sebahagian besarnya datang dalam negeri bukannya luar negeri. Ini berbeza dengan negara Singapura, Brunei dan Malaysia.

Faktor politik memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan liberalisasi atau penciptaan KEA. Jika hanya bercakap tetapi kurang melakukan tindakan dan banyak sangat halangan atau "hiccup" ini akan memperlambatkan proses merealisasikan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN.

KESIMPULAN

Sebenarnya proses dalam menggerakkan sesebuah penubuhan pakatan kerjasama ekonomi bermula dengan PTA dan kemudiannya beralih ke FTA, dan berikutnya sama ada menubuhkan kesatuan kastam (*Custom Union-CU*), pasaran tunggal (*Common Market-CM*) atau kesatuan ekonomi (*Economic Union-EcoU*). Tetapi kita tidak pasti jenis pakatan yang mana perlu didahulukan dan yang mana pula perlu dikemudiankan. Berdasarkan pengalaman negara-negara yang menjalankan kerjasama ekonomi dalam bentuk suatu pakatan akan memulakan kerjasama ekonomi sama ada dalam bentuk pakatan PTA atau FTA. Perlu ditegaskan tidak semua penubuhan pakatan kerjasama ekonomi akan mencapai matlamat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sebahagian besar pakatan kerjasama ekonomi yang telah ditubuhkan di dunia menghadapi pelbagai halangan dalam merealisasikan rancangan penubuhan kerjasama ekonomi tersebut.

Secara amnya tidak semua bentuk pakatan yang telah ditubuhkan di dunia ini oleh oleh pelbagai kumpulan negara mengikut teori kerjasama ekonomi. Dalam tahun 1990an adanya pendekatan berbentuk *hybrid* telah digunakan dalam membentuk sesebuah pakatan kerjasama ekonomi. Jika sekumpulan negara hendak menubuhkan pakatan kerjasama ekonomi berbentuk FTA ianya tidak semestinya hanya menumpukan dalam hal-ehwal perdagangan iaitu melibatkan pengurangan atau penghapusan kadar tarif seperti yang terkandung dalam teori kerjasama ekonomi FTA tetapi ianya juga boleh memasukkan komponen-komponen ekonomi lain seperti beberapa elemen dari CU, CM dan EcoU umpamanya mobiliti buruh, mobiliti modal dan kadar tarif sifar. Contohnya pakatan kerjasama ekonomi FTA yang ditandatangani oleh Singapura dengan pelbagai negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan negara-negara lain bukannya tertumpu mengenai penghapusan duti import sahaja tetapi juga dimasukkan kebebasan masuk modal dari negara asing, kelonggaran halangan bukan berbentuk tarif (NTB), pembukaan sektor perkhidmatan dan hal-hal mengenai ekonomi lain untuk kepentingan bersama. Ini juga dilakukan oleh negara-negara lain seperti Thailand dan Mexico.

Untuk ASEAN idea KEA sebenarnya adalah amat baik kerana ianya mungkin akan meningkatkan pertumbuhan eksport serta ekonomi dan perkembangan sektor perkilangan dengan lebih pesat. Juga seperti dalam kerjasama ekonomi yang telah dilaksanakan dan atau sedang berjalan pelbagai halangan telah muncul dan kemunculan halangan tersebut sebahagian besarnya datang dari negara-negara ASEAN itu sendiri. Halangan-halangan itu pula tidak diuruskan dengan begitu baik maka sebahagian besar dari kerjasama-kerjasama ekonomi yang telah ditandatangani tidak mencapai matlamat seperti yang diinginkan. Oleh yang demikian untuk merealisasikan KEA, negara-negara ASEAN sudah semestinya akan menghadapi pelbagai halangan dan "*hiccup*" yang berpunca dari negara ASEAN itu sendiri.

NOTA HUJUNG

¹ Hew, Denis, Chin Kin Wah dan Lee Hock Guan (2004). "The ASEAN Community Roundtable, Towards Realizing an ASEAN Community", dalam *Towards Realizing An ASEAN Community. A Brief Report on the ASEAN Community Roundtable*, ISEAS, Singapore, hlm: 1-23.

² Takeuchi, Junko (1993). "Effect of AFTA on ASEAN Industrial Structure", *RIM Pacific Business and Industries*, Vol. 1, hlm: 2-8.

³ Pangestu, Mari (1995). "The ASEAN Free Trade Area: Going Forward the ASEAN Way", dalam *ASEAN in a Changed Regional and International Political Economy*, (ed.) Hadi Soesastro, Centre for Strategic and International Studies, Jakarta.

⁴ Mohamed Ariff (1994). "AFTA-Another Futile Free Trade Area", Syarahan Perdana, University Malaya, Kuala Lumpur.

⁵ General Agreement on Tariff and Trade (GATT) (1991), *International Trade Report1990*, Brussels.